

Jumaat – 21 Ogos 2020

Halaman : 07



Yusri (dua dari kanan) selepas menerima anugerah daripada Ismail (tengah) di Masjid Bandar Kluang, malam kelmarin.
(Foto Adnan Ibrahim/BH)

Batin Kampung Orang Asli Sungai Peroh terima Anugerah Khas

Kluang: Batin Kampung Orang Asli Sungai Peroh, Yusri Abdulrahman, 40, dipilih penerima Anugerah Khas Maal Hijrah Saudara Kita dan Orang Asli peringkat daerah pada tahun ini.

Yusri yang masih bujang dan memeluk agama Islam pada 2004 terpilih penerima anugerah ini kerana komitmennya memartabatkan agama Islam di tempat lahirnya itu.

Beliau berkata, selepas mengucapkan syahadah dan menjadi seorang mukmin, dia terpaksa menunaikan ibadat secara ber-selindung selama tiga tahun dengan tugasannya di luar kampung kerana enggan diketahui ayahnya.

Katanya, rahsia dia memeluk Islam hanya terbongkar apabila Penasihat Agama Islam Negeri Johor ketika itu, Datuk Dr Noh Gadot bertanya kepada ayahnya yang juga Batin Kampung Orang Asli Sungai Peroh, Ogeh Gandoh dalam satu program keagamaan di kampung berkenaan.

“Saya yang bimbang dimarah ayah akhirnya terkejut apabila dia juga menyatakan hasrat untuk memeluk Islam.

“Tindakan ayah itu menyebabkan hampir keseluruhan penduduk di kampung ini memeluk agama Islam,” katanya selepas menerima anugerah itu daripada Pegawai Daerah Kluang, Ismail Abu di Masjid Bandar Kluang, malam kelmarin.

Yusri berkata, sebagai usaha memperkasakan lagi agama Islam, sebidang tanah miliknya di Kampung Orang Asli Sungai Peroh diwakafkan untuk membina surau, rumah transit Jabatan Agama Islam Negeri Johor, tadi-kaka, balai raya, rumah guru dan sebuah pergi untuk kegunaan surau serta masyarakat kampung.

Sementara itu, di Kuala Te-



Hussin (kanan) bersama Mohamad pada majlis Sambutan Maal Hijrah 1442H/2020M Peringkat Terengganu di Wisma Darul Iman, Kuala Terengganu, semalam.
(Foto Ghazali Kori/BH)

rengganu, Tokoh Maal Hijrah 2020, Hussin Ismail, 65, bersyukur kerana dipertemukan semula dengan rakan sekelasnya, Mohamad Ghani, 66, yang terpisah sejak hampir 50 tahun lalu.

“Pertemuan ini sangat bermakna dalam hidup saya apabila kami dipertemukan pada majlis ini dan bangga kerana dia juga turut dianugerah Tokoh Imam Cemerlang,” katanya.

Hussin dari Kampung Tebakang, Bukit Payung, Marang, berkata dia terpisah dengan Mohamad selepas tamat Tingkatan Tiga di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Padang Midin, Kuala Terengganu pada 1970 dan tidak pernah bertemu selepas itu.

“Ketika zaman persekolahan, kami sama seperti pelajar lain

dan selepas dipertemukan semula, kami tidak menyangka aliran aktiviti kami sama iaitu ke arah keagamaan serta kerja kemasyarakatan.

“Mohamad memiliki pusat tahfiz sendiri, sama seperti saya dan dia juga ahli taranum serta guru al-Quran, selain aktif dalam kerja dakwah,” katanya selepas majlis Sambutan Maal Hijrah 1442H/2020M Peringkat Terengganu di Wisma Darul Iman, di sini, semalam.

Anugerah itu melayakkan Hussin menerima wang tunai RM10,000, pakej mengerjakan ibadah umrah, persalinan, sijil penghargaan serta plak, manakala Mohamad pula adalah imam Masjid Kampung Bukit Kandis, Kuala Nerus.